



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 22 Jun 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



NOOR Farizzah (muka kabur) diiringi keluar pegawai KPDN selepas didapati bersalah oleh mahkamah.

Tindakan mahkamah menanti jika defendan gagal patuhi award TTPM

Iskandar Dzulkifli

KOTA KINABALU: Defendan yang gagal mematuhi award yang dikeluarkan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) selepas kalah dalam tuntutan, boleh dikenakan tindakan mahkamah oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Pengarah KPDN Sabah, Shahril Nizam Shahidin berkata, ketegasan KPDN itu jelas apabila, baru-baru ini berjaya memperoleh dua sabitan terhadap individu yang gagal mematuhi award tribunal, termasuk seorang pesalah yang dipenjarakan selepas gagal membayar denda yang dikenakan mahkamah.

Menurutnya, kedua-dua tertuduh mengaku bersalah dalam prosiding berasingan di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu pada 16 Jun lalu atas pertuduhan mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 kerana gagal mematuhi award TTPM yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Dalam kes pertama di hadapan Majistret Dzul Elmy Yunus di Mahkamah Majistret 1, Noor Farizzah Usman, 36, didapati gagal mematuhi award TTPM bertarikh 28 Oktober 2025 yang mengarahkannya membayar RM16,920 kepada pihak penuntut.

"Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM1,800 atau penjara lima bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan. Bagaimanapun, tertuduh gagal menjelaskan denda berkenaan dan dihantar ke penjara untuk menjalani hukuman.

"Dalam kes kedua di hadapan

Majistret Wan Farrah Farriza Wan Ghazali, Mad Mohammad Yassin, 71, mengaku bersalah kerana gagal mematuhi award TTPM bertarikh 27 Oktober 2025 yang mengarahkannya membayar RM25,000 kepada penuntut.

"Mahkamah mengenakan denda RM2,000 atau penjara dua bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut. Tertuduh bagaimanapun menjelaskan denda yang dikenakan," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Mengulas lanjut, Shahril berkata, jumlah keseluruhan nilai award tribunal yang masih belum dijelaskan dalam kedua-dua kes berkenaan adalah RM41,920.

Katanya, pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa KPDN, Gunasegaran Krishnan dan Penolong Pegawai Pendakwa, Malai Rosidi Malai Muhamad, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

"Dua sabitan ini membuktikan ketegasan dan komitmen berterusan KPDN Sabah untuk memastikan setiap award yang dikeluarkan oleh TTPM dipatuhi sepenuhnya.

"Tindakan pendakwaan akan terus diambil terhadap mana-mana pihak yang enggan atau gagal mematuhi award tribunal bagi melindungi hak pengguna dan menegakkan keadilan," tegasnya.

Sehubungan itu, beliau menggesa orang ramai yang berdepan situasi kegagalan mematuhi award tribunal supaya membuat aduan melalui saluran rasmi KPDN bagi membolehkan tindakan penkuatkuasaan diambil mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harga diesel turun kepada RM2.10 seliter mulai Julai

Pembelian perlu guna MyKad langkah tangani ketirisan, aktiviti penyeludupan

Oleh Mahani Ishak dan Kadir Edison
bhnews@bh.com.my

Bintulu: Penyasaran subsidi diesel di seluruh negara dengan penetapan harga bahan api itu pada kadar RM2.10 seliter mulai Julai ini, dibuat selari usaha kerajaan memperkukuh kedudukan kewangan negara sambil menjamin bekalan tenaga jangka panjang, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, langkah itu akan dilaksanakan menerusi penggunaan MyKad bagi memastikan subsidi dinikmati rakyat Malaysia, di samping mengurangkan ketirisan serta aktiviti penyeludupan yang menyebabkan kerugian besar kepada negara.

Beliau berkata, menerusi mekanisme baharu itu, rakyat Malaysia akan menikmati harga diesel sama di seluruh negara, ma-

nakala bukan warganegara dan pihak yang tidak layak perlu membeli bahan api berkenaan pada harga pasaran tanpa subsidi.

"Pertamanya diesel, harganya diturunkan. Harga diesel daripada RM2.15 seliter kepada RM2.10 seliter. Kemudian ini untuk semua dan tentunya manfaatnya lebih kepada rakyat Sabah dan Sarawak dan ini bermula Julai.

"Maknanya kalau kita guna MyKad, harga sama Semenanjung dan Sabah Sarawak. Jadi itu RM2.10 seliter untuk rakyat Malaysia yang menggunakan kenderaan diesel," katanya ketika mengumumkan langkah itu dalam ucapan pada Majlis Penukaran Status Pelabuhan Bintulu daripada Pelabuhan Persekutuan kepada Pelabuhan Negeri di sini, semalam.

Guna pendekatan BUDI95

Anwar berkata, penggunaan MyKad dalam pelaksanaan penyasaran subsidi itu akan membantu kerajaan mengekang ketirisan akibat penyeludupan bahan api di kawasan sempadan negara, selain memastikan bantuan diberikan kepada golongan yang benar-benar layak tanpa menjejaskan kebajikan rakyat.

Kementerian Kewangan (MOF) dalam kenyataannya di Kuala

Lumpur, memaklumkan pelaksanaan mekanisme baharu itu selaras pendekatan digunakan menerusi BUDI MADANI RON95 (BUDI95) dengan subsidi disalurkan terus kepada rakyat Malaysia melalui pengesahan MyKad.

"Melalui pembaharuan ini, rakyat Malaysia akan menikmati harga diesel bersubsidi yang sama serta kaedah pembelian yang seragam di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan.

"Subsidi diesel akan disalurkan terus kepada rakyat Malaysia melalui pengesahan MyKad, manakala bukan warga negara dan pihak yang tidak layak perlu membeli diesel pada harga tanpa subsidi," kata kenyataan itu.

MOF berkata, langkah berkenaan penting dalam memastikan subsidi kerajaan hanya dinikmati rakyat Malaysia, selain mengurangkan ketirisan dan penyeludupan diesel bersubsidi ketika krisis Asia Barat terus memberi tekanan kepada bekalan minyak global.

"Perbezaan ketara di antara harga diesel bersubsidi dan harga tanpa subsidi mewujudkan ruang kepada ketirisan serta penyeludupan diesel bersubsidi termasuk ke luar negara. Pembaharuan ini akan membantu memastikan subsidi kerajaan disa-

lurkan secara lebih bersasar kepada golongan yang layak," katanya.

Ketika ini diesel masih dijual pada harga runcit bersubsidi RM2.15 seliter di semua stesen minyak di Sabah dan Sarawak, berbanding harga diesel tanpa subsidi RM4.37 seliter di Semenanjung.

Maklumat lanjut mengenai pelaksanaan pembaharuan penyasaran subsidi diesel itu akan diumumkan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, hari ini.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan juga, Perdana Menteri memaklumkan Malaysia terus memperkukuh kedudukan dalam sektor tenaga global menerusi kerjasama strategik dengan beberapa negara pengeluar utama bagi menjamin bekalan tenaga jangka panjang negara.

Katanya, pendekatan diplomasi yang terbuka dan berkecuali membolehkan Malaysia membina hubungan baik dengan pelbagai kuasa dunia demi menjaga kepentingan negara, terutama dalam aspek keselamatan tenaga.

Anwar berkata, hasil pertemuan beliau dengan Presiden Russia, Vladimir Putin, baru-baru ini, Malaysia memperoleh jaminan bekalan tenaga berte-

rusan bagi memenuhi keperluan domestik serta komitmen eksport tenaga ke beberapa negara di Asia, Afrika dan Amerika Latin.

"Presiden Putin dalam pertemuan dengan saya memberi jaminan akan mewujudkan pengaturanan dan perjanjian jangka panjang bagi memastikan bekalan tenaga berterusan kepada Malaysia.

"Jaminan ini penting kerana keperluan tenaga negara bukan hanya untuk pasaran domestik, malah bagi memenuhi komitmen jangka panjang dengan beberapa negara lain," katanya.

Beliau berkata, perkembangan itu amat signifikan ketika pasaran tenaga dunia terus berdepan ketidakpastian susulan konflik geopolitik dan cabaran ekonomi global.

Pada masa sama, Anwar memaklumkan Malaysia turut mencatat pencapaian penting apabila memperoleh akses kepada beberapa blok gas strategik di Turkmenistan menerusi kerjasama syarikat petroleum negara, PETRONAS.

Katanya, perkembangan berkenaan berpotensi memperkukuh penguasaan Malaysia dalam sektor gas asli serta membuka peluang baharu kepada industri tenaga negara pada peringkat antarabangsa.

Harga diesel turun RM2.10 mulai Julai

DARI MUKA 1

"Melalui pembaharuan ini, rakyat Malaysia akan menikmati harga yang sama dan cara sama di seluruh negara.

"Subsidi diesel akan disalurkan terus kepada rakyat Malaysia melalui pengesahan MyKad, manakala bukan warganegara dan pihak yang tidak layak perlu membeli diesel pada harga tanpa subsidi," katanya.

Kementerian Kewangan berkata, dalam keadaan krisis Asia Barat yang terus memberi tekanan kepada bekalan minyak global, langkah ini penting bagi memastikan subsidi hanya sampai kepada rakyat Malaysia serta mengurangkan ketirisan dan penyeludupan diesel bersubsidi.

"Perbezaan ketara antara harga diesel bersubsidi dan harga tanpa subsidi telah mewujudkan ruang kepada ketirisan serta penyeludupan diesel bersubsidi termasuk ke luar negara," katanya.

"Maklumat lanjut mengenai pelaksanaan pembaharuan pe-



HARGA diesel diselaraskan RM2.10 di seluruh negara bermula Julai ini.

nyasaran subsidi diesel ini akan diumumkan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan esok (hari ini)," katanya.

Pada minggu lalu, kerajaan mengumumkan harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 18 hingga 24 Jun ini diturunkan sebanyak 30 sen ke-

pada RM4.37 seliter berikutan pergerakan purata harga pasaran antarabangsa pada minggu sebelumnya.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan hari ini berkata, penurunan tersebut dibuat selaras dengan formula Mekanisme Harga Automatik (APM) yang di-

Harga bahan api dari 18-24 Jun 2026

RON95

- RM3.72 seliter / RM1.99 seliter (Budi95)

RON97

- RM4.35 seliter

DIESEL

- RM4.37 seliter (Semenanjung Malaysia)
- RM 2.15 seliter (Sabah/ Sarawak)

gunakan kerajaan bagi menentukan harga bahan api.

Dalam pada itu, kerajaan memaklumkan tanggungan subsidi berdasarkan harga pasaran semasa masih diunjurkan tinggi iaitu sekitar RM3.5 bilion sebulan.

Daripada jumlah tersebut, subsidi RON95 dianggarkan mencecah RM2 bilion sebulan, manakala subsidi diesel pula sekitar RM1.5 bilion sebulan.

Rakyat Malaysia bakal nikmati harga RM2.10 seliter

Oleh DIANA AZIS

BINTULU - Selepas BUDI95 untuk petrol RON95, kerajaan kini memperkenalkan mekanisme subsidi diesel berasaskan MyKad di seluruh negara mulai Julai depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, rakyat Malaysia yang layak akan menikmati harga diesel bersubsidi RM2.10 seliter berbanding RM2.15 seliter ketika ini menerusi pembaharuan penyasaran subsidi diesel yang seragam di seluruh negara.

Beliau berkata, pendekatan baharu itu dilaksanakan selaras dengan model yang digunakan menerusi program BUDI MADANI RON95 (BUDI95) dengan pengesahan subsidi menggunakan MyKad.

"Esok, Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan akan memberikan penjelasan mengenai pelaksanaan harga baharu diesel bersubsidi ini kepada media di Kuala Lumpur," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Cek Susulan Penukaran Status Pelabuhan Bintulu Daripada Pelabuhan Negeri di Bintulu, Sarawak pada Ahad.

Sementara itu, Kementerian Kewangan (MoF) dalam satu kenyataan memaklumkan pembaharuan tersebut membolehkan rakyat Malaysia menikmati harga dan kaedah

yang sama di seluruh negara.

Menurut MoF, subsidi diesel akan disalurkan terus kepada rakyat Malaysia melalui pengesahan MyKad, manakala bukan warganegara dan pihak yang tidak layak perlu membeli diesel pada harga tanpa subsidi.

Sebelum ini, kerajaan melaksanakan subsidi diesel menerusi dua mekanisme berasingan iaitu bantuan tunai BUDI Diesel dan Skim Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Berdasarkan kenyataan MoF sebelum ini, BUDI Diesel memberi manfaat kepada kira-kira 340,000 pemilik kenderaan diesel individu yang layak, petani dan pekebun kecil menerusi bantuan RM300 sebulan, manakala SKDS melibatkan lebih 398,000 kenderaan logistik dan pengangkutan awam yang menikmati diesel bersubsidi menggunakan sistem kad armada.

MoF berkata, langkah itu penting ketika krisis Asia Barat terus memberi tekanan kepada bekalan minyak global selain memastikan subsidi kerajaan hanya dinikmati rakyat Malaysia.

Menurutnya, pembaharuan berkenaan

Subsidi diesel guna MyKad mulai Julai



LAPORAN MUKA DEPAN

Anwar (tengah) menerima replika cek daripada Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Bintulu pada Ahad. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof (kanan).

dijangka dapat mengurangkan ketirisan serta aktiviti penyeludupan diesel bersubsidi yang berlaku susulan perbezaan ketara antara harga diesel bersubsidi dan harga tanpa subsidi.

"Ketika ini, diesel masih dijual pada harga runcit bersubsidi RM2.15 seliter di semua stesen minyak Sabah dan Sarawak ber-

banding harga runcit diesel tanpa subsidi RM4.37 seliter di Semenanjung Malaysia.

"Dengan pembaharuan penyasaran subsidi diesel, harga runcit diesel di Sabah dan Sarawak akan diselaraskan kepada harga runcit di Semenanjung Malaysia dan dengan itu, bukan warganegara tidak lagi menikmati subsidi," kata MoF.

Pumped up about RM2.10 diesel

Consumers in Peninsular Malaysia hail introduction of subsidised fuel

By **FAZLEENA AZIZ**
fazleena@thestar.com.my

PETALING JAYA: Consumers and small business owners have welcomed the government's decision to introduce subsidised diesel at RM2.10 per litre nationwide from July 1, although some are seeking greater clarity on fuel allocations under the MyKad-based scheme.

Malaysian Tamilan Tow Truck Association president Mathevanan Mohanaraja said the effectiveness of the initiative would ultimately depend on how much subsidised diesel each MyKad holder is entitled to receive.

He noted that many users

already find the allocation under the current Budi Madani RON95 (Budi95) programme insufficient for their needs.

"Our fuel consumption is high. Even 100 litres can be used up very quickly. So we are not sure if the allocation will be enough, and it probably won't be.

"Another issue is supply. Sometimes petrol stations do not have sufficient diesel. The government may say supply is available, but the reality on the ground can be different," he said.

His comments came after the Finance Ministry announced that Malaysians would be entitled to purchase subsidised diesel at RM2.10 per litre through a

MyKad-based mechanism, similar to the Budi95 programme.

The ministry said the retail price of diesel in Sabah and Sarawak would also be aligned with the retail price in Peninsular Malaysia.

Meanwhile, Federation of Malaysian Consumers Associations chief executive officer Dr T. Saravanan described the measure as timely, saying it would help ease cost-of-living pressures, especially for households and businesses that depend on diesel-powered vehicles.

"Lower fuel costs can also help stabilise the prices of goods and services, benefiting consumers nationwide.

"At the same time, effective enforcement and monitoring are crucial to prevent leakages, smuggling and misuse of subsidised fuel. Any subsidy mechanism must ensure public funds are used efficiently and reach the intended beneficiaries," he said.

Pan-Malaysian Bus Operators Association president Datuk Mohamad Ashfar Ali pointed out that the scheme would have little impact on commercial bus operators who already enjoy subsidised diesel rates.

"This is essentially an extension of the Budi95 concept to diesel. It is aimed more at individual owners of diesel-powered pickup trucks, small lorries and

vans," he said.

Businessman Iqtidar Ahmad, 35, said the scheme could help reduce operating costs for micro, small and medium enterprises, particularly tow truck operators and owners of business vehicles.

However, he agreed that the overall impact would depend on the amount of diesel allocated to each eligible user.

Pickup truck owner Latifah Awang, 34, said it would help ease her monthly fuel expenses.

"We are happy with the nationwide price. It means I can balik kampung more often because I currently spend about RM1,200 a month on fuel for my pickup truck," she said.

The scalper bot wars: Why you never stood a chance in the BTS ticket queue

Arif Zikri

KUALA LUMPUR: You are in the queue. Your favourite artist is finally coming to town, but you have been staring at a frozen loading bar for three hours.

The salt in the wound? Seeing those same "sold out" tickets pop up on resale sites at triple the price while you are still stuck in digital limbo. This is the era of the ticketing battle, and for most fans, it is a fight they are destined to lose.

Whenever a high-stakes event drops — be it an A-list concert, a motorsport race, or a limited-edition streetwear launch — you aren't just competing with other fans. You are up against thousands of bots.

The use of automated software is no longer a mere crisis: it is the grim new norm. From stadium seats to rare collectibles, the "hype-driven" retail sector is being systematically plundered by code.

What exactly are ticket scalping bots?

According to bot management provider GeeTest, these are automated programmes built for one purpose: to buy faster and in larger volumes than any human ever could.

They strike the millisecond sales open. Their goal is to secure high-demand inventory instantly, only to flip it for a staggering markup on resale giants like Viagogo and StubHub, or local marketplaces like Carousell. Social media platforms like X and Threads have also morphed into open secondary markets.

The recent BTS World Tour 'Ariang' pre-sale serves as a prime example. Inventory vanished within hours, only to resurface on social feeds with eye-watering price tags.

This has birthed a secondary "service" industry: providers now charge fans between RM50 and RM200 just to secure a ticket on their behalf, bypassing the public queue entirely.

Cybersecurity firm Imperva notes that professional scalpers deploy scalable infrastructure that ordinary fans simply cannot match. These actors study launches months in advance. When the "buy" button goes live, their bots are ready to execute a transaction in milliseconds.

The data is sobering. Across major markets, over 40 per cent of all online ticket bookings are orchestrated by bots, even in regions with strict anti-scalping laws.

According to Maia Research, this secondary resale industry



Bots are now being widely used in the entire hype-driven retail sector, systematically hijacking everything from stadium concert seats to limited-edition collectibles and streetwear drops. — Photo by Shafwan Zaidon

is skyrocketing: it is projected to grow from a US\$22.8 billion valuation in 2022 to a massive US\$43.1 billion by 2028.

The anatomy of a ticket heist

Professional scalping is a three-stage operation: monitor, bypass, and checkout.

Monitoring: Also known as "drop checking," scalpers use bots to constantly probe retailer

websites and social media feeds. They are looking for the exact moment a link goes live.

Bypassing Security: To avoid being blocked, bots route traffic through residential proxies, using thousands of fake but legitimate-looking IP addresses. They use advanced code to slice through CAPTCHAs and inventory limits.

Automated Checkout: The bot autofills forms in a flash. It uses

a rotating list of credit cards and slightly altered names or address formats to hide the fact that a single buyer is vacuuming up the entire stock.

Cybersecurity firm Friendly Captcha identifies three specific predators in this ecosystem:

Spinner bots: These refresh a vendor's site relentlessly until tickets appear, then snatch them instantly.

Sniper bots: These hunt for specific high-value seats or sections.

Drop checker bots: These act as continuous surveillance networks. They don't buy; they scan inventories and social feeds for any sign of a restock or update.

The underground market: Where do they get the tech?

Modern scalpers aren't necessarily master coders. They simply rent the expertise. Sophisticated, ready-made "scalping software" is available on open digital marketplaces and private chat groups. Sites like Wrath and Cybersole openly market themselves as automation software providers.

There is also a thriving culture of "cook groups." These are private, subscription-based communities on Discord or Telegram.

Members pay a monthly fee for early "drop" info and access to the latest bot software. It is a professionalized, underground economy.

The legal battleground

Malaysia currently lacks specific anti-scalping legislation, but other nations are setting the pace. The United States enacted the Better Online Ticket Sales (BOTS) Act as early as 2016, prohibiting software that bypasses purchase limits or security measures.

The United Kingdom utilizes the Digital Economy Act 2017 alongside the Digital Markets, Competition and Consumers Act.

These laws empower regulators to hit rule-breaking platforms with massive fines without a lengthy court process. They are also advancing a "Ticket Toot Ban" bill, which would make it illegal to resell live event tickets for more than their face value.

While Malaysia has no such laws yet, change is on the horizon. The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) and the Communications Ministry are reportedly formulating a framework to finally address the scalping crisis.

Until then, the battle for the front row remains a war of man versus machine. — Malay Mail



补贴柴油全国降价 州选前安华放手一搏？

柴油补贴价格7月起统一2.10令吉，首相拿督斯里安华这次真的出大招了。

过去半年，市场最常听到商界提出的诉求之一，就是统一全国柴油价格。

很多人原本以为，政府最终会采取的方案，是把东马长期享有补贴的柴油价格调高，与半岛看齐。毕竟站在国库的角度看，这才是最合理的做法。结果，政府今天却给出一个几乎没人猜到的答案，并非东马涨价，而是全国补贴价格统一降到每公升2.10令吉！

这意味着东马柴油补贴价格将从每公升2.15令吉降至2.10令吉；半岛的补贴价格也会随之调整至同样价格。

玩味的是，政府选择在柔佛和森美兰州选即将展开下，宣布这项措施，自然引发市场与政治圈高度关注

这究竟是补贴改革，还是州选前的“政治大礼包”？这两者很难完全切割关系。

这一年，安华面对RON95补贴改革、生活成本压力、销售及服务费(SST)扩大征税范围等争议，基层情绪已非常“高昂”。

如今，州选被视为全国大选前的重要风向标，任何能够改善民生成本的措施，都具备明显政治加分作用。更何况柴油价格是人民最容易理解的政策之一。

柴油走私和补贴外流

不过，如果只把这项措施视为州选糖果，恐怕又低估了政府真正担心的问题。

财政部文告其实透露出一个重要信号，柴油走私和补贴外流。

过去东西马柴油价格长期存在巨大落差。东马柴油维持补贴

价，半岛柴油则已市场化，每公升价格达4令吉37仙，两地价格差距扩大后，确实形成套利空间。尤其在当前中东局势仍紧张、政府显然不希望继续让补贴柴油成为灰色市场的获利工具。

市场的另一个关注点是，明天财政部即将公布的执行细节。如何认证？是否限制数量？商用车辆如何处理？边境地区如何执行？

当然，当政府一边强调财政整顿，一边推出更低柴油价格，未来势必面对“钱从哪里来”的追问。尤其RON95补贴仍在推进阶段，市场很难避免将两项政策放在一起比较。

州选前，安华出了一张很多人没预料到的牌。

至于这张牌最后换来的是掌声、选票，还是新的财政压力，答案很快就会揭晓。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 22 JUN 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-Jun	Bekalan Barangan Keperluan Asas Cukup Menjelang PRN – Fuziah	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bekalan-barangan-keperluan-asas-cukup-menjelang-prn-fuziah/	RTM
22-Jun	KPDN Jamin Bekalan Keperluan Mencukupi Sepanjang PRN Johor, Negeri Sembilan	https://www.utusan.com.my/terkini/2026/06/kpdn-jamin-bekalan-keperluan-mencukupi-sepanjang-prn-	UTUSAN
22-Jun	KPDN Jamin Bekalan Barangan Keperluan Asas Cukup Menjelang PRN Johor, Negeri Sembilan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1372203/kpdn-jamin-bekalan-barangan-keperluan-asas-cukup-menjelang-prn-johor-	HARIAN METRO
22-Jun	KPDN Jamin Bekalan Barang Terkawal Mencukupi	https://www.astroawani.com/video/kpdn-jamin-bekalan-barang-terkawal-mencukupi	ASTRO AWANI
22-Jun	KPDN Beri Jaminan Bekalan Barangan Kawalan Mencukupi Menjelang PRN	https://www.tvsarawak.my/2026/06/19/kpdn-beri-jaminan-bekalan-barangan-kawalan-mencukupi-menjelang-prn/	TVS
22-Jun	KPDN Sita Jualan Barangan Berjenama Tiruan di Johor Bahru Bernilai RM600,000	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sita-jualan-barangan-berjenama-tiruan-di-johor-bahru-bernilai-	ASTRO AWANI
22-Jun	Aktiviti Jualan Barangan Tiruan Bernilai RM600,000 Berjaya Ditumpaskan KPDN	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/06/aktiviti-jualan-barangan-tiruan-bernilai-rm600000-berjaya-ditumpaskan-kpdn/	UTUSAN
22-Jun	KPDN Tumpas Sindiket Jual Barangan Tiruan Bernilai RM600,000	https://malaysiagazette.com/2026/06/19/kpdn-tumpas-sindiket-jual-barangan-	MALAYSIA GAZETTE

22-Jun	Barangan Tiruan Bernilai RM600,000 Disita, Empat Individu Ditahan	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/barangan-tiruan-bernilai-rm600000-disita-empat-individu-ditahan/	RTM
22-Jun	KPDN sita jualan barangan berjenama tiruan di Johor Bahru bernilai RM600,000	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2026/06/1574281/bhplus	BERITA HARIAN
22-Jun	KPDN Tumpas Jualan Barangan Tiruan, Rampas Lebih RM600,000	https://utusanmelayuplus.com/kpdn-tumpas-jualan-barangan-tiruan-rampas-	UTUSAN
22-Jun	Domestic Trade Ministry Busts Sale of Counterfeit Goods in Johor	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/06/19/domestic-trade-ministry-busts-sale-of-counterfeit-goods-in-johor	THE STAR
22-Jun	KPDN Salur Bantuan Program Ihsan Food Bank UPNM, Perkasa GPS	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1373230/kpdn-salur-bantuan-program-ihsan-food-bank-upnm-perkasa-gps	HARIAN METRO
22-Jun	KPDN Salur Bantuan Program Ihsan Food Bank UPNM, Perkasa GPS	https://www.malay.news/kpdn-salur-bantuan-program-ihsan-food-bank-upnm-perkasa-gps/	MALAY NEWS
22-Jun	I-FB Bantu Mahasiswa UPNM Tangani Kos Sara Hidup	https://www.kosmo.com.my/2026/06/21/i-fb-bantu-mahasiswa-upnm-tangani-kos-sara-hidup/	KOSMO
22-Jun	Kenaikan Harga Barang di KL Tidak Ketara, KPDN Saran Peniaga Nilai Semula Harga	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1373228/kenaikan-harga-barang-di-kl-tidak-ketara-kpdn-saran-peniaga-nilai-semula	HARIAN METRO

22-Jun	Kenaikan Harga Barang di KL Tidak Ketara, KPDN Saran Peniaga Nilai Semula Harga	https://www.malay.news/kenaikan-harga-barang-di-kl-tidak-ketara-kpdn-saran-peniaga-nilai-semula-harga/	MALAY NEWS
22-Jun	Lelaki Dicap Sedut Petrol Untuk Dijual Kepada Peraih	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/lelaki-dicap-sedut-petrol-untuk-dijual-kepada-peraih/	RTM
22-Jun	Puas Hati Tindakan Pantas Pekerja Stesen Minyak Rampas Nozel, Pemandu Plat Singapura Dihalang Isi Minyak Subsidi	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2026/06/21/puas-hati-tindakan-pantas-pekerja-stesen-minyak-rampas-nozel-ron95-dipuji-pemandu-plat-singapura-dihalang-isi-minyak-subsidi	MSTAR
22-Jun	Tindakan Pekerja Pam Minyak Dipuji, Halang Kereta Audi Plat Singapura Isi RON95 Subsidi	https://borakdaily.com/tindakan-pekerja-pam-minyak-dipuji-halang-kereta-audi-plat-singapura-isi-ron95-subsidi	BORAK DAILY